HOMECARE BAROSCON DOUBLE ACTION SUSPENSION

Sodium Alginate 500mg, Calcium Carbonate 325mg, Sodium Bicarbonate 213mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *HOMECARE BAROSCON DOUBLE ACTION SUSPENSION*
2. Bagaimana *HOMECARE BAROSCON DOUBLE ACTION SUSPENSION* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *HOMECARE BAROSCON DOUBLE ACTION SUSPENSION*
4. Cara menggunakan *HOMECARE BAROSCON DOUBLE ACTION SUSPENSION*
5. Semasa menggunakan *HOMECARE BAROSCON DOUBLE ACTION SUSPENSION*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *HOMECARE BAROSCON DOUBLE ACTION SUSPENSION*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *HOMECARE BAROSCON DOUBLE ACTION SUSPENSION*

Rawatan untuk gejala refluks gastro-esofageal seperti muntah asid, pedih ulu hat, senak dan untuk gejala asid perut yang berlebihan (hiperkeasidan).

Bagaimana *HOMECARE BAROSCON DOUBLE ACTION SUSPENSION* berfungsi

HOMECARE BAROSCON DOUBLE ACTION SUSPENSION adalah gabungan dua antasid (kalsium karbonat dan natrium bikarbonat) dan satu alginate. Ia bertindak dengan dua cara:

1) Meneutralkan asid perut yang berlebihan untuk melegakan kesakitan dan ketidakselesaan

2) Membentukkan satu halangan pelindung atas kandungan perut untuk melegakan rasa perit pada bahagian dada

Sebelum menggunakan *HOMECARE BAROSCON DOUBLE ACTION SUSPENSION*

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Jangan mengambil ubat ini jika anda mempunyai alahan terhadap mana-mana bahan seperti esters of hydroxybenzoates.

Mengandung dan menyusukan anak

Tidak terdapat penanda kesan buruk daripada produk ini semasa kehamilan atau kepada kesihatan fetus / kanak-kanak yang baru lahir.

- *Sebelum menggunakan HOMECARE BAROSCON DOUBLE ACTION SUSPENSION*

Beritahu doktor jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat-ubatan atau jika anda mempunyai sebarang masalah kesihatan lain.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan *HOMECARE BAROSCON DOUBLE ACTION SUSPENSION*

- *Berapa banyak harus digunakan*

Dewasa dan kanak-kanak berusia 12 tahun ke atas: 1 hingga 2 *sachet* selepas makan dan sebelum tidur.

Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- *Bila perlu digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa lama perlu digunakan*

HOMECARE BAROSCON DOUBLE ACTION SUSPENSION boleh digunakan selepas makan dan sebelum tidur. Anda boleh berhenti mengambil produk ini apabila anda bebas daripada gejala refluks gastro-esofageal.

- *Jika terlupa menggunakan*

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Boleh menyebabkan kembungan abdomen. Sekiranya mengambil berlebihan, rawatan simptomatik perlu diberikan.

Semasa menggunakan *HOMECARE BAROSCON DOUBLE ACTION SUSPENSION*

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Ambil ubat anda mengikut arahan doctor atau ahli farmasi.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh luput yang dinyatakan pada label.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Setiap 10ml dos (*single sachet*) mengandungi 127.9mg (5.56mmol) sodium dan 130mg (3.25mmol) kalsium. Ini perlu diambil kira apabila diet garam atau kalsium disyorkan.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, *HOMECARE BAROSCON DOUBLE ACTION SUSPENSION* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Sangat jarang (<1 / 10,000) pesakit sensitif kepada bahan-bahan boleh menyebabkan manifestasi alergi seperti urtikaria atau bronkospasma, tindakbalas alergi yang serius *(anaphylactic*) atau tindak balas anafilaktik (*anaphylactoid reaction*).

Pengambilan kalsium karbonat yang banyak boleh menyebabkan alkalosis, hiperkalsemia, pemulihan asid, sindrom susu-alkali atau sembelit. Ini biasanya berlaku selepas pengambilan dos yang berlebihan.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI*)].

Cara penyimpanan dan pelupusan *HOMECARE BAROSCON DOUBLE ACTION SUSPENSION*

- *Penyimpanan*

Simpan di bawah suhu 30ºC, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

- *Pelupusan*

HOMECARE BAROSCON DOUBLE ACTION SUSPENSION perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan.

Maklumat lanjut

- *Rupa dan warna produk*

Suspensi berperisa permen, berwarna kuning langsat atau krim

- *Bahan-bahan kandungan*
  - Bahan aktif

Sodium Alginate
Calcium Carbonate
Sodium Bicarbonate

  - Bahan tidak aktif

Methyl Parahydroxybenzoate
Propyl Parahydroxybenzoate

- *Nombor MAL*

MAL18046003X

Pengilang

Yungjin Pharm. Co., Ltd.,
66, Muha-ro, Namyang-eup,
Hwaseong-si, Gyeonggi-do,
Republic of Korea.

Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3, 5, 7 & 12, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru
Bangi, 43000 Kajang, Selangor,
Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

08/08/2024

Nombor Siri

NPRA(R2/1)240808/1325